

**MEREBUT WILAYAH SASTERA
TAMADUN BARU: PERANG SAUDARA
YANG SENYAP DI DUNIA TEKS ***

**Oleh
Dr. Mohd. Anuar bin Haji Rethwan
(Malaysia)**

Sesuatu civilization atau tamadun sering menjadi medan rujukan para sejarawan dan ahli antropologi. Keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani sesuatu bangsa atau masyarakat masa lampau, mewajarkan pengkajian mereka demi memperkasa tamadun yang baru. Sungguhpun `tamadun' kemudian turut dibicarakan oleh sarjana pelbagai bidang epistemologi, tetapi sumbangan sejarawan dan ahli antropologi dalam bidang ini telah memberikan dampak yang sangat besar.

Tamadun masa lampau, yang dimajukan masa kini, seperti yang telah dinyatakan di atas secara umum memperlihatkan tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani sesuatu bangsa.

Tamadun klasikal Greece, Rom dan China umpamanya tidak sahaja meninggalkan relics atau peninggalan yang telah ditangani oleh para jurutera dan arkitek zamannya, malah karya-karya falsafah dan sastera oleh para pemikir dan sasterawan zamannya.

Oleh yang demikian `bahasa' turut menjadi faktor penting yang mandiri serta mencorakkan sesuatu tamadun. Tingkat kemajuan `yang tinggi' itu dalam banyak hal telah memperlihatkan *good manners* dan *self-control* yang menjadi ciri-ciri utama yang mengkeramatkan ungkapan "*a thoroughly civilized man*" seperti yang telah diperkenalkan oleh penulis Voltaire (November 21, 1694 - Mei 30, 1778) kepada masyarakat Perancis dalam kurun yang ke-18.

* Kertas kerja "Seminar Bahasa dan Sastera" sempena Sidang Ke-40 MABBIM/ Sidang Ke-6 MASTERA, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, pada 12 - 13 Mac 2001 di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru, Johor.

Terdapat sejumlah *hallmark* atau ciri pemangkinan tamadun yang diterima umum. Antaranya ialah:

- (a) wujudnya sebuah masyarakat yang lebih *massive* dan kompleks dengan nilai dan norma tertentu;
- (b) masyarakat lebih berpengetahuan yang dengannya dapat menikmati dan menguasai sumber alam serta lingkungannya;
- (c) kemahiran dan pengkhususan umpamanya di kalangan jurutera, arkitek dan artisan;
- (d) bangunan-bangunan unik atau skala besar;
- (e) teknologi metalurgi, dan
- (f) adanya bahasa yang berkembang pesat serta fungsional.

Keenam-enam ciri pemangkinan tamadun itu saling kait-mengait, bersama bantu membantu, serentak merangsang pembinaan serta pengukuhan sesuatu tamadun besar. Tanpa salah satu daripadanya, yang terjelma bukanlah suatu tamadun besar, melainkan `tamadun mikro'. Ini bermakna apabila kita menyebut ungkapan `Tamadun Melayu Baru' maka Melayu yang dimaksudkan mestilah:

- (a) menguasai tidak sekadar teknologi metalurgi; (b) membina bangunan unik atau skala besar yang ditangani oleh jurutera, arkitek dan artisan Melayu;
- (c) berkembangnya masyarakat Melayu yang lebih *massive* dan kompleks dengan nilai dan norma tertentu;
- (d) Melayu yang lebih berpengetahuan dalam upaya menikmati serta menguasai sumber alam serta lingkungannya; dan yang akhir tetapi tidak kurang penting ialah
- (e) menguasai bahasa Melayu sama ada dalam konteks `ilmu bahasa' atau `bahasa Ilmu'.

Dengan demikian, budaya sesuatu tamadun adalah budaya yang dipelajari; bukan semata-mata bersifat naluriah (*instinctive*). Di kalangan ahli

antropologi, umpamanya Robert Redfield, mengaitkan tamadun sebagai kebijaksanaan perilaku anggota masyarakat yang luar biasa perubahannya dan kompleks. Pendapatnya cenderung berbeza dengan Oswald Spengler yang mengetengahkan konsep *kultur* (*spiritual state of youthful, organic dan still-growing societies*) - suatu pandangan yang berusaha meleraikan konsep tamadun lampau dalam konotasinya yang tua, rigid dan masyarakat yang sedang merosot' (*decaying communities*). Akhirnya, pembicaraan tentang tamadun akan kembali kepada *hallmark* atau ciri pemangkinannya yang dasar itu.

Kertas kerja ini tidak bermaksud untuk menghujah sama ada 'Tamadun Melayu' yang telah dan sedang disangga oleh keenam-enam tiang seri ciri pemangkinan tamadun, atau tidak. Akan tetapi, satu daripada ciri pemangkinan tersebut, iaitu bahasa khususnya bahasa Melayu wajar dibicarakan di sini kerana dalam proses pengembangannya bahasa Melayu telah menempuh jalan yang panjang, singgah dan menemukan karya-karya persuratan yang besar. Perjalanan demikian tidak boleh berhenti pada suatu titik kerana bahasa dan persuratan harus berkembang terus melewati daerah-daerah tahun, abad dan alaf. Pembicaraan ini adalah suatu kontemplasi tentang persuratan Melayu masa lampau, serta suatu perenungan ke hadapan, ketika tamadun terus dimajukan dan diperkasa.

II

Riwayat sesuatu tamadun adalah personifikasi 'sesuatu' yang dilahirkan, membesar, menitiskan zuriat, menyesuaikan diri dengan zaman yang berubah, dan/atau kemudiannya mati. Ada tamadun yang telah lenyap seperti yang terjadi kepada tamadun Mesopotamia (3500-3000 SM). Ada tamadun yang berusaha menyesuaikan diri dengan zaman yang berubah, umpamanya yang terjadi di China.

Namun ada juga tamadun yang menitiskan 'zuriat' seperti yang dialami oleh tamadun Yunani dan tamadun Arab-Islam. Yang pertama itu kemudiannya memperkasa tamadun Eropah yang telah dilandasi oleh filsafat pemikiran

Socrates, Plato dan Aristotle, aliran *Cynic* dan *Sceptic*, fahaman Stoik dan pengasas Neoplatonisme seperti Plotinus.

Yang kedua pula turut mencorakkan pengaruh kuat terhadap masyarakat Nusantara, terutamanya tamadun Melayu. Yang terserap bukan sahaja Islam sebagai agama dan amalan cara hidupnya, malah juga tradisi keilmuan yang jauh berbeza daripada pemikiran *cognoscenti* tamadun Yunani. Dalam hubungan ini masyarakat Islam umumnya turut dipengaruhi oleh filsafat Al-Kindi (M. kira-kira 873), Ibn Khaldun, pengetahuan matematik dan astronomi Muhammad bin Musa al-Khwarazmi, penyair Omar Khayyam, filsafat Ibn Sina (980 -1037), Ibn Rushd (1126 -1198) dan sebagainya. Tidaklah menghairankan jika Bertrand Russell menyebut bahawa "Tamadun Islam pada zaman kegemilangannya disanjung dalam bidang seni dan dalam banyak cara teknikalnya."

Bidang seni baik penulisan mahupun binaan merupakan suatu *heritage* yang tidak ternilai harganya. Sementara seni bina secara fizikalnya boleh musnah oleh bencana alam atau dimamah zaman, tetapi seni penulisan daripada sesuatu tamadun akan terus dapat diikuti dan dihayati oleh generasi-generasi yang akan datang, sehingga kebanyakan orang berpendapat bahawa warisan seni penulisan itu lebih `kekal' berbanding dengan seni binaan yang historis dan monumental. Kita tidak dapat lagi melihat kota Baghdadnya Harun alRashid, tetapi kisah-kisah tentang baginda, kerajaannya, pelukisan masyarakat zamannya, tragedi, *wit* dan humor dalam lingkungan warganya masih kekal dalam *Hikayat 1001 Malam*.

Budaya ilmu dan tradisi seni penulisan Islam di Nusantara, sebagai titisan tamadun Arab-Islam, turut mekar dan meninggalkan warisannya yang lebih `kekal' berbanding dengan seni bina Islam setempat. Kita tidak dapat melihat lagi Pasai dalam kurun ke-17, Syamsuddin as-Sumaterani yang telah mewariskan kepada kita karya-karyanya seperti *Jawhar al-Haqa'iq*, *Mir'at al-Iman*, *Risalah Mithal al-Wujud* dan sebagainya. Begitu juga kita tidak dapat melihat lagi Rander di India dan Aceh di Sumatera dalam kurun ke-17, tetapi ulama, penulis, Syekh

Tarekat Rifa'iyah dan Mujaddid Nuruddin ar-Raniri, telah mewariskan karya-karya pentingnya seperti *al-Sirat al-Mustaqim*, *Hidayat al-Habib fi al-Targhib*, *Asrar al-Insan* dan sebagainya. Karya-karya mereka berbeza dengan nama tempat yang mengiringi nama mereka sehinggakan seolah-olah sangat bersifat provinsial dan keduniawian, sesungguhnya menjangkau sesuatu yang mistik.

Bagaimanapun, apabila menyentuh tentang pengarang yang hujahannya jauh menjangkau idea atau pemikiran biasa, yang *mystical*, tokoh yang lebih banyak dibicarakan berbanding dengan Syamsuddin dan Nuruddin ialah Hamzah Fansuri. Beliau mungkin dilahirkan di Barus atau Fansur pada penghujung kurun ke-16. Antara karya Hamzah, termasuklah *Asraarul `Ariffin*, *Ruba `i Hamzah al-Fansuri*, *Syair Si Burung Pungguk*, *Syair Sidang Faqir*, *Syair Dagang* dan *Syair Perahu*. Syed Naquib al-Attas pernah menyebut bahawa Hamzah Fansuri ialah pengarang Melayu yang pertama sekali menulis ilmu tasawuf dalam bentuk syair. Dengan demikian dalam sejarah persuratan Melayu, Hamzah memekarkan suatu penciptaan karya sastera yang bersifat *trancendental*.

Akan tetapi, sesuatu yang telah dimekarkan oleh Hamzah yang menggabungkan tasawuf dengan syair, tidak berkembang menjadi tradisi yang mantap. Penulis dan ulama seperti Abdul Rauf Singkel, Abdul Samad al-Palembangi, Syekh Daud Abdullah al-Fatani, 'Muhammad Arsyad al-Banjari dan sebagainya lebih menumpukan penulisan sastera kitab yang meliputi bidang ilmu fikah, tauhid, tasawuf, hadis, tafsir, akhlak dan seumpamanya. Ada beberapa gejala yang telah menyumbang kepada keadaan sedemikian.

Penyair Sufi selain perlu memiliki ilmu tasawuf yang mendalam, haruslah juga mempunyai bakat kreatif yang tinggi. Gabungan dua unsur ini terdapat dalam diri Hamzah. Bagi ulama yang tidak atau kurang memiliki bakat kreatif, mereka tentulah berasa lebih selesa menulis ilmu tasawuf sahaja. Bukanlah suatu proses yang mudah untuk memilih simbol-simbol tertentu umpamanya simbol ontologis (*the systematic study of being*) dan kosmologis untuk memafestasikan pemusatan menyeluruh terhadap keesaan Tuhan, serta penyaksian

(*syahadah*) dan perenungan (*musyahadah*) bagi memerlukan tema cinta Ilahi (*'ishq*).

Di samping itu, sesuai dengan matlamat asas ratusan tahun, pusat-pusat pengajian Islam di alam Melayu lebih memberikan keutamaan kepada ilmu-ilmu agama yang teras, berbanding dengan penciptaan, pembacaan dan penghayatan puisi-puisi sufisme. Lama kelamaan, ditambah pula dengan kolonialisasi Barat yang turut membawa dan mengembangkan epistemologi dan gaya hidup tamadun Eropah, pengembangan sastera dari dimensi kerohanian yang perlahan-lahan menguncup. Sebagai alternatif, dikembangkan pula karya sastera berdimensi sosial yang bukan sahaja sangat keduniawian, malah *massive* dan agresif.

Akan tetapi, dalam kesusasteraan, kuasa sastera berdimensi kerohanian dan kuasa sastera berdimensi sosial bukanlah dua kuasa mutlak; penentu, semacam dwikutub kuasa teks. Kedapatan satu lagi dimensi yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja, iaitu kuasa dimensi *belles-lettres* (karya sastera yang lebih menekankan nilai artistik berbanding dengan kandungan didaktik atau informatif). Dengan demikian wujud trikutub yang telah muncul, berkembang dan digerakkan oleh para penulis, masing-masing bertolak daripada prinsip atau fahaman tertentu.

Berbeza dengan persengketaan yang sengit di medan politik sejagat yang telah mengundang konfrontasi dan peperangan antara penganut Islam, demokrasi dan fahaman sosialis, perjuangan antara trikutub sastera dimensi kerohanian, sosial dan *belles-lettres* lebih merupakan suatu perang saudara yang senyap di dunia teks.

III

Medan kesusasteraan Melayu juga telah dikunjungi oleh ketiga-tiga dimensi sastera itu dengan pelbagai variasinya.

Penulis yang sering disemukakan dengan Hamzah Fansuri untuk dibandingkan dengan ketokohan serta kepentingan (*significance*) sumbangan,

tidak lain daripada Abdullah Munshi (1796 -1854). Antara lain, Abdullah adalah sebagai penulis Melayu yang pertama menghasilkan karya sastra dalam bentuk cetak, menulis *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838), *Hikayat Abdullah* (1849) dan beberapa karya lagi.

Kertas kerja ini tidak bermaksud untuk menganalisis atau menyambung perdebatan tentang ketokohan serta kepentingan sumbangan di antara Hamzah Fansuri dan Abdullah Munshi.

Namun kemunculan Abdullah dan karya-karyanya telah memberikan isyarat serta tanda akan bermulanya sastra berdimensi sosial. Kemunculan karya-karyanya sama ada dirancang ataupun tidak telah mula 'menggerhanai' sastra berdimensi kerohanian yang sudah selama kira-kira seratus tahun dimekarkan oleh Hamzah Fansuri. Sementara dari segi isinya, sesuai dengan cahaya sastra kerohanian, syair-syair Hamzah Fansuri bersifat vertikal menuju cinta Ilahi; tulisan Abdullah secara fizikalnya bersifat horizontal untuk menemui lebih. *Merebut Wilayah Sastra Tamadun Baru: Perang Saudara yang Senyap di Dunia Teks* banyak pembaca melalui pengeluaran besar-besaran (*mass production*) karyakaryanya.

Sastra berdimensi sosial dalam kesusasteraan Melayu *ab ovo* adalah seperti yang dipancarkan oleh karya-karya Abdullah, iaitu berbicara tentang isu-isu politik dan sosial zamannya; kalau menyentuh hal-hal kerohanian hanya secara umum dan sepintas lalu, bukan suatu perenungan serta penyaksian yang mendalam sebagaimana selayaknya seorang sufi seperti Hamzah Fansuri.

Para penulis yang memihak dimensi sosial percaya bahawa karya sastra mestilah memberi faedah kontekstual kepada para pembacanya. Huraian minda Melayu tentang kepengarangan dan fungsi karya, menurut Muhammad Haji Salleh (1994) adalah:

"Suatu falsafah yang inginkan pengarangnya membantu masyarakatnya, semestinyalah menuntut pujangga itu menyempurnakan tugas ini. Selain menjadi pengubat dia juga menjadi pengajar dalam hal-hal yang membantu kehidupan manusia atau masyarakatnya. Nilai-nilai dasar,

kehalusan cara berinteraksi antara manusia dan seni, contoh manusia yang disanjung serta juga pengetahuan yang melancarkan perjalanan kampung dan negeri (terutama sekali) disalurkan melalui karyakarya yang mementingkan satu gambaran masyarakat dan manusia unggul sebagai pengukur untuk pembaca-pendengar".

Dimensi ini sangat menekankan peranan pujangga yang dalam karya kesusasteraan Melayu sering diambil alih oleh watak protagonisnya. Penekanan terhadap pengisahan yang memaparkan realiti kehidupan manusia dengan sendirinya menyebabkan unsur watak menjadi penting. Wataklah, dalam memaparkan realiti kehidupan manusia, seperti yang pernah diungkapkan oleh Karl Krceber, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama manusia atau alam, menghayati zamannya dan mengingati kehidupan zaman lampau mereka. Pemaparan realiti kehidupan itu pula dapat dilakukan oleh watak sama ada secara berfikir, kenangan, wawasan, monolog, monolog dalaman dan dialog (Evans, 1966), serta boleh diangkat daripada bahan-bahan sebenar seperti surat, jurnal, biografi, sejarah, dokumen dan fakta.

Sejumlah pengarang Melayu telah mengisi dimensi sosial ini dengan berkesan, sesudah dimulai oleh Abdullah Munsyi. Mereka secara langsung atau tidak langsung memainkan peranan 'pujangga' seperti yang dihuraikan oleh Muhammad Haji Salleh. Dalam hubungan ini sejarah kesusasteraan Melayu telah merakamkan sumbangan, termasuklah Syed Syeikh al-Hadi melalui novelnya *Hikayat Faridah Hanum* (1925 - 1926); Ahmad Rashid Talu dengan novelnya *takah Salmah?* (1929); Ahmad Kotot dengan karyanya *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* atau *Yazid Asyik dan Maksyuk Akan Zamrud* (1927) dan A. Kadir Adabi dengan novelnya *Melati Kota Bharu* (1939). Golongan ini bolehlah dianggap sebagai pengarang-pengarang sastera berdimensi sosial 'haluan kanan'. Mereka diistilahkan demikian kerana tugas 'mengajar dalam hal-hal yang membantu kehidupan manusia dan masyarakatnya' turut direncahi serba sedikit dengan unsur-unsur kerohanian.

Akan tetapi; pada lewat tahun 1940-an muncullah sekumpulan pengarang sastera berdimensi sosial `haluan kiri', yang terjelma akibat situasi budaya, sosial dan politik zamannya. Dalam tahun 1950-an, idea mereka (terutamanya Keris Mas, Usman Awang dan Masuri S.N.) diperkukuh melalui Angkatan Sasterawan 'S0 (Asas 'S0) yang berpegang kepada konsep `Seni untuk Masyarakat'. Menurut konsep ini, semua karya kreatif imaginatif harus mempunyai arah, fungsi dan amanat yang jelas. Dalam kesusasteraan khususnya, pengarang menghasilkan karya yang berhubung dengan masyarakat bawahan dan pembaca mereka yang seterusnya akan dapat menghayati pemikiran dalam karya yang dihasilkan demi meningkatkan taraf hidup dan memperbaiki nasib diri mereka, terutamanya dalam aspek sosioekonomi dan sosiopolitik: Inklinasi politik golongan ini sangat jelas. Karya seni mereka adalah untuk masyarakat bawahan seperti kaum buruh, tani, nelayan dan sebagainya. Unsur keindahan bukanlah matlamat utama, kerana kesan yang dipentingkan adalah untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada golongan yang tertindas dan yang menindas. Oleh yang demikian tidaklah menghairankan jika konsep 'Seni untuk Masyarakat' segera mendapat tentangan daripada pendukung konsep 'Seni untuk Seni', iaitu suatu pernyataan *belles-lettres* yang cuba direalisasikan oleh pengarang-pengarang seperti Hamzah dan Rosmera dalam tahun 1950-an.

Jukstaposisi yang dilakukan antara 'Seni untuk Masyarakat' vis-d-vis 'Seni untuk Seni' akhirnya menjurus kepada analogi 'perang saudara'. Hamzah dan Rosmera pada awalnya adalah anggota Asas '50. Setelah mereka berasa tidak cocok dengan sastera berdimensi sosial `haluan kiri', mereka segera memihak *belles-lettres*, lantas melancarkan beberapa siri polemik di medan sastera Melayu ketika itu.

Ada pihak ketiga yang bukan sahaja menyaksikan wujudnya perbezaan tajam kedua-dua dimensi itu, malah berpendapat bahawa terdapat alternatif segar yang boleh ditarik daripada dimensi kerohanian. Pihak yang terakhir ini kurang tertarik dengan semangat dan slogan 'Seni Merebut Wilayah Sastera Tamadun Baru: Perang Saudara yang Senyap di Dunia Teks untuk Masyarakat';

dan juga kurang ghairah terhadap kejelitaan *belles-lettres*. Dimensi kerohanian ini, walaupun tidak sekental semangat sufisme Hamzah Fansuri, masih percaya bahawa harus terdapat keadilan di antara pewujudan spiritual dengan pewujudan fizikal yang wajar dimainkan oleh seorang pengarang sebagai khalifah di muka bumi ini.

Pembangunan fizikal itu dapat dicapai melalui perencanaan yang teliti daripada pelbagai aspek, serta tunjangan beberapa agen perubahan yang berkesan. Dengan cara yang sedemikian pembangunan fizikal dapat dikonkritkan. Akan tetapi, dalam hubungan ini, harus juga disedari bahawa perencanaan bagi pembangunan fizikal serta spiritual tidak terjadi hanya di dunia yang konkrit. Idea falsafah serta pemikiran dalam karya sastera umpamanya sering mengajak khalayaknya untuk membangun sama ada dari aspek fizikal mahupun spiritual. Idea serta pemikiran itu bukanlah merupakan suatu perencanaan pembangunan yang konkrit, tetapi dihidangkan dalam wacana yang abstrak atau kreatif.

Hujahan di atas menunjukkan suatu prinsip umum bahawa sebagai manusia biasa pengarang juga berkecenderungan untuk membangunkan dunia fizikal atau mental melalui karya mereka. Seperti yang telah disentuh sepintas lalu, pengarang memilih watak tertentu mewakili pandangan serta sikapnya. Hal ini tidaklah asing kerana pengarang Melayu yang beragama Islam menyedari tentang falsafah agamanya yang sering menyeru ke arah peningkatan kebaikan. Seruan-seruan ke arah kebaikan telah disebarkan melalui Qur'an, umpamanya:

"Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan makruf (yang baik-baik) dan melarang daripada yang mungkar dan mereka itulah yang menang".

(Surah Ali `Imran 3:104)

"Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah (berdebatlah) dengan mereka dengan (jalan) yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui

orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

(Surah An-Nahl 16:125)

Seruan-seruan sedemikian itu memerlukan seorang utusan, seorang penyampai. Pada martabat tertinggi bagi menyampaikan seruan Ilahi, utusan tersebut ialah para rasul dan nabi. Pada tahap yang lebih merakyat penyampai itu adalah manusia biasa, kerana insan itu merupakan antara faktor terpenting bagi perkembangan dan perubahan sosial (Syariati,1985:19).

Nada daripada Iqbal juga hampir sama dengan penekanan kepada kedirian atau individualiti. "Menurut pendapat Iqbal, *khudi* (ertinya secara harfiah: kedirian atau individualiti) merupakan suatu kesatuan yang real, yang nyata ... *khudi* merupakan pusat dan landasan daripada keseluruhan organisasi kehidupan manusia". (Saiyidain, 1981:24). Iqbal amat menghargai wujud individu yang bertaut dengan kehidupan masyarakatnya (Saiyidain, 1981).

"Individu hanya mengada dalam tautannya

dengan masyarakat,

Apabila ia menyedari ia menjadi bertiada

erti,

Ibarat riak riam hanya mencuat di sungai deras,

Di luar sungai ia lenyap bertiada bekas".

Individu yang `mencuat', `bererti' dan `mengada' itu, dalam konteks puisi Iqbal, ialah individu yang beragama, yang dapat memainkan peranannya secara serasi dengan al-Din Islam. Tauhid merupakan lingkaran pusat kehidupan al-Din; lalu mengukuhkan ketauhidan dan membentuk rukun iman; dan iman membawa manusia memperhambakan diri kepada Allah, membentuk ibadat khusus atau agama; sementara agarna membina takwa yang menjadi dasar kehidupan sehari-hari dalam masyarakat yang berisikan kebudayaan.

Para ulama Islam di Malaysia telah memainkan peranan membentuk kebudayaan sedemikian sejak kedatangan Islam, dan semakin nyata dalam abad ke-18 dan ke-19 lagi (Muhamad `Uthman, 1973). Berdasarkan perkembangan tersebut, suatu andaian boleh dilakukan, iaitu para pengarang Melayu juga yang berkongsi pandangan hidup Islam, tradisi dan peristiwa sosial dengan para ulama turut mencorakkan kebudayaan itu, khususnya dari sudut kesusasteraannya. Terdapat satu hujahan menarik tentang penyebatian pandangan dunia itu daripada adunan pelbagai ilmu pengetahuan:

“... umat Islam masih memeluk iktikad yang satu dan dari pengalaman rohaniah inilah terbitnya pandangan dunia yang sama. Iktikad yang mengikut keseluruhan pengalaman manusia ke dalam ikatan tauhid yang sejati inilah yang membolehkan terlahirnya ahli-ahli sains dan penyair dalam bentuk peribadi yang sama, seolah-olah tidak adanya kepincangan langsung di antara intelek analitikal para saintis dan intelek imaginatif para sasterawan”. (Abdul Ghani Ismail, 1984:18).

Pengikut sastera dimensi kerohanian percaya bahawa wujud watak-watak cereka yang mampu berfikir atau bertindak memperkenalkan unsur-unsur dinamis dalam tatahidup anggota masyarakatnya. Tidak mengira sama ada daripada golongan ulama, ataupun daripada watak-watak fiktif, peribadi-peribadi sedemikian amat penting peranannya dalam sesebuah masyarakat, seperti pendapat Iqbal ini:

"Tatahidup masyarakat selalu cenderung bersifat dan bersikap menetap. Hanyalah individu-individu yang memiliki kebebasan berfikir serta pandangan yang originallah yang akan mampu mempersembahkan kepadanya peringkat nilai baru dan memperkenalkan unsur-unsur dinamis kepada roda rutin yang statis itu". (Saiyidain, 1981: 81).

Usaha menemukan watak-watak sedemikian dalam cereka Melayu, harus dimulai dengan usaha memahami minda Melayu yang terdapat dalam pengisahan Melayu. Pemahaman tentang sistematika minda ini amatlah

penting kerana daripadanya dapat ditarik kesimpulan tentang peranan pengarang menterjemahkan alam Ilahi ini kepada para pembacanya. Dalam hubungan ini, Md. Salleh Yaapar (1989) telah memperjelas suatu pemikiran penting:

"Sebagai refleksi nisbi bagi sifat-sifat Tuhan yang hakiki, manusia di dalam minda Melayu juga ialah pontifex, jambatan yang menyambung dunia dan kayangan atau, dalam jalur pemikiran Islamnya, khalifah yang mewakili Allah di bumi. Kedudukan sebagai pontifex atau khalifah inilah yang menjadikan manusia itu pusat bagi segala yang ada dalam jagatraya".

Pemikiran ini telah mengabsahkan peranan serta tanggungjawab pengarang Melayu dalam suatu kerangka iltizam keagamaan dan kemasyarakatan. Pengarang Melayu itu, dalam tradisi minda Melayunya, harus memainkan peranan khalifah. Peranan ini boleh dilaksanakan sama ada melalui kegiatan-kegiatannya, atau melalui karya-karyanya. Kaedah yang kedua itu memerlukan watak fiktif bagi mewakili sikap dan pendapat pengarang, tetapi ini tidaklah melunturkan peranannya sebagai `khalifah',

Sebagai `khalifah', sesuatu peribadi itu mempunyai jajaran tanggungjawab yang merentasi peribadi, keluarga, jiran dan masyarakatnya (Hashimi, 1987); bertindak sebagai penyambung, penghubung dan yang diserahi tanggungjawab untuk menyampaikan atau mengerjakan perintah-perintah Ilahi; dan juga merupakan manusia yang telah dikurnia-Nya dengan kemampuan-kemampuan tertentu untuk menaklukkan kekuatan alam dan mengendalikannya, Jan manusia itu bertindak sebagai agen-Nya dalam segala lingkungan kehidupan; "bahawa manusia adalah pilihan Tuhan (Taha:122); bahawa manusia dengan segala kelemahannya, dimaksudkan menjadi khalifah Tuhan di bumi (al-Baqarah:30); bahawa manusia adalah orang yang telah dipercayakan dengan satu keperibadian bebas yang telah diterimanya atas risikonya sendiri (al-Ahzab:33).

Peranan `khalifah' untuk memajukan diri dan masyarakatnya bersesuaian sekali dengan peringatan Allah bahawa ". . . Allah tiada mengubah keadaan

sesuatu kaum, kecuali jika mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri ..." (al-Ra'd: 11). Dalam hubungan ini peranan agen perubahan amat penting. Semangat inilah yang antaranya turut dimainkan dengan berkesan oleh Muhammad Abduh (1849-1905), yang pemikiran-pemikirannya mengalir masuk ke dalam minda dan wacana `kaum muda' serta kesusasteraan Melayu.

Pentingnya peranan Muhammad Abduh itu turut disentuh oleh Farhat Abbas, yang antara lain menyebut:

"... The sosial awakening of the countries of North Africa - Morocco, Algeria and Tunis - began on the day that Muhammad Abduh came to North Africa and began teaching the interpretation of the Qur'an, a subject that had not customarily been taught in the circles of religious learning". (Syariati, 1979:63).

Muhammad Abduh ternyata tidak sahaja mampu menyinarkan fajar kebangkitan sosioreligius di Afrika Utara, malah di Malaysia juga, iaitu melalui pemikiran-pemikirannya:

"Sejarah perkembangan pemikiran Melayu telah menempuh tahap penting pada awal abad ini apabila masyarakat Melayu ikut terbabit dalam arus pembaharuan pemikiran yang berpunca daripada gerakan pembaharuan ash-Shaykh Muhammad Abduh di Mesir ... antara mesej terpenting gerakan berkenaan ialah pembaharuan pemikiran. Itulah yang tersirat di sebalik keghairahan dan kegigihan mereka memerangi budaya taklid buta dan menganjurkan penyegaran semula semangat ijtihad ... untuk memecah kebekuan intelektual dalam masyarakat Melayu". (Siddiq,1922:9).

Arus pembaharuan pemikiran itu melanda juga kesusasteraan Melayu moden, yang medannya diperteguh oleh kemunculan novel-novel awal kurun ke-20. Matlamat memupuk pembaharuan pemikiran yang disampaikan melalui lidah pengarang `khalifah' telah menjadikan karya kreatif lebih sebagai wadah alternatif sesuatu konsepsi daripada sebagai karya seni.

"Sehingga pecahnya Perang Pasifik, kesusasteraan Melayu moden masih belum lagi mencapai darjah kesusasteraan yang tinggi kerana tidak adanya kesedaran kesusasteraan itu sebagai satu-satunya bentuk seni kreatif. Kesusasteraan lebih dianggap sebagai saluran alternatif untuk menyalurkan fikiran-fikiran penulis tentang perkara-perkara yang berkisar berhampiran dengan diri dan masyarakatnya sendiri. Sama ada ia seorang pembaharu agama, ataupun ia seorang cerdik pandai Melayu, atau seorang nasionalis berpendidikan Inggeris, ia tidak mengarang novel atau cerpennya sebagai seni persuratan tetapi sebagai satu medium untuk menyalurkan fikiran pendapat--pendapatnya". (Mohd. Taib, 1964:16 -17).

"Hasil-hasil sebelum perang yang kita golongkan sebagai kesusasteraan pada hari ini sebenarnya adalah *by-product* atau hasil yang tidak langsung daripada cita-cita manusia Melayu mencapai masyarakat yang lebih maju, lebih bermoral, lebih beragama, masyarakat yang punya sosial dan kebangsaan". (A. Bakar,1973: 345).

Pengikut sastera dimensi kerohanian seperti yang telah dinyatakan, akhirnya melihat pengarang sebagai `khalifah' yang sedapat mungkin melalui karya, menyelami penyaksian dan memuncakkan perenungan terhadap Ilahi dan kekuasaan-Nya. Watak khalifah amatlah kudus dan istimewa dalam Islam. Tali pertanggungjawabannya terhadap Allah tidak pernah terputus, sehingga ia juga disebut khalifatullah. Ia amat alim tentang hubungan vertikalnya dengan Allah, dan amat cendekia menterjemah amanah Allah di muka bumi ini dalam hubungan horizontalnya dengan manusia. Tentang peranan khalifah dan hubungannya dengan amanah Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1978:134) antara lain menyatakan:

"Man, thus equipped, is meant to be vicegerent (khalifah) of God on earth (2:30), and as such the weighty burden of trust (amanah) is placed upon him - the trust of responsibility and rule according to God's will and purpose and His Pleasure".

Terjemahan bagi tanggungjawab tersebut, telah menghasilkan rangkaian karya kesusasteraan Islam dalam perkembangan sastera Melayu. Bagaimanapun, suatu perkara lagi yang amat menarik perhatian apabila membandingkan karya sastera berdimensi kerohanian ini dengan yang berdimensi sosial serta *belles-lettres* adalah aspek teorinya.

Kebanyakannya, jika tidak semua, pembicaraan tentang karya-karya sastera Melayu berdimensi sosial dan *belles-lettres* menerapkan teori-teori sastera dari Barat, umpamanya formalisme Rusia, strukturalisme, semiotik, naratologi, dekonstruksi dan sebagainya. Dengan ayat yang lain, belum ada percubaan yang cukup bererti daripada sarjana tempatan untuk membina teori sastera sendiri tentang dua dimensi tersebut.

Sebaliknya, sastera berdimensi kerohanian yang dalam konteks Malaysia disebut 'Sastera Berunsur Islam' terus diperkasa dengan wacana serta teori-teori yang ditemukan sendiri oleh para sarjana tempatan. Pembicaraan-pembicaraan Budiman Radzi, *Falsafah Seni Dalam Islam* (1963); Muhammad Uthman El-Muhatnmady dengan "Peranan Intelektual (ulama) Islam di Malaysia dalam Pembentukan Kebudayaan" (1973) serta polemik Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad tentang subjek ini tidak mengapungkan sebarang teori tertentu. Akan tetapi, beberapa orang sarjana Malaysia kontemporari telah mengetengahkan teori masing-masing. Antaranya ialah Dr. Abdul Rahman Napiah ("Sastera Islam: Teori Sastera al-Taabudiyah") dan Dr. Shafie Abu Bakar ("Nilai dan Teknik dalam Teori Takmilah").

IV

Keadaan yang terdapat di Malaysia, iaitu wilayah sastera menjadi rebutan pengucapan sosial, *belles-lettres* dan kerohanian adalah sesuatu yang lumrah dan barangkali hampir bersifat sejagat. Di negara-negara sosialis, dua bentuk pengucapan yang terakhir itu akan dianggap tidak penting dan marginal. Akan tetapi, Barat tetap mempunyai pola sedemikian, katakanlah apabila kita menjukstaposisikan *Underworld* karya Don DeLillo pada satu pihak, dengan

Sophie's World karya Jostein Gaarder, *Zen and The Motorcycle Maintenance* (Robert Persig), *The Turning Point* (Frithchhof Copra) atau *The Dancing of Win Li Masters* (Gary Zukaf).

Dengan ayat yang lain, perang saudara yang senyap di dunia teks terus berlangsung, terus terjadi, seiring dengan usaha umat manusia memajukan dan memperkasa tamadun baru. Pada umumnya, ciri-ciri pemangkinan tamadun yang asas itu tidaklah berubah, melainkan terus diperkaya dan diperkasa. Nilai dan norma masyarakat yang *massive* dan kompleks membuka ruang kepada pengaruh serta akulturasi 'dunia tanpa sempadan'. Pengetahuan dan maklumat menjadi senjata ketamadunan yang lebih kental. Profesionalisme menjadi suatu kuasa dan gaya yang tersendiri. Seni bina dan seni-seni lain telah menjangkau konsep pascamoden. Sosok bahasa-bahasa utama, dalam beberapa situasi telah dicantas untuk disesuaikan dengan alam siber.

Daripada semua ciri pemangkinan tamadun itu, dalam konteks ~masa kini, teknologilah yang paling memukau. Tamadun baru tidak hanya bergantung kepada teknologi metalurgi, tetapi memajukannya dan mencipta teknologi-teknologi baru untuk keperluan umat manusia dan penyelidikan.

Obsesi terhadap teknologi, khususnya teknologi maklumat, turut menyeret sastera ke dunia siber, seperti yang dilakukan William Gibson dengan karyanya *Neumancer* yang dianggap sebagai novel teknologi maklumat yang pertama.

Dunia siber turut menjadi obsesi para penulis dan khalayak ' mereka, melalui kuasa *cybertext* atau *hypertext* seperti yang dibicarakan oleh Espen J. Aaereth dalam bukunya *Cybertext Perspective on Ergodic Literature*. Hubungan individu dengan alam sejabatnya menjadi semakin canggih dan pantas, dan mungkin serasi seperti pendapat Peter Russel yang melanjutkan hujahan Roger Sperry tentang hemisfera otak kiri dan otak kanan yang bersambung pada *corpus collusum*, iaitu menurut Russel, wujud 'interaksi otak individu dengan individu yang lain tanpa batas dan tanpa ruang sehingga menyebabkan otak kita berhubung dengan otak orang lain dalam suatu kampung global' (Jaafar, 2001).

Obsesi sedemikian datang bersama ghairah akan kecanggihan teknologi komunikasi dan maklumat. Umat manusia kini berada pada gelombang ketiga (menurut Alvin dan Heidi Toffler), setelah mengharungi gelombang pertama (agraria) dan gelombang kedua (industri). Gelombang ketiga ini berasaskan maklumat, pengetahuan dan inovasi yang Toffler dengan tegas menyatakan bahawa "suatu tamadun baru kini muncul dalam kehidupan kita, dan rata-rata manusia buta berusaha untuk memendamkannya. Tamadun baru ini menghamparkan cara baru berkeluarga, merubah cara kerja, cara berkasih sayang dan hidup, ekonomi baru, pergeseran politik baru dan lebih daripada itu membawa satu kesedaran baru".

Akan tetapi, penegasan tentang ciri-ciri gelombang ketiga itu ternyata bukanlah segala-galanya yang mutlak atau tuntas kerana semuanya menyentuh luaran. Sebab itu dalam buku *High Tech, High Touch* oleh John Naisbitt turut menarik kesedaran pembacanya kepada kepentingan sentuhan yang lebih tinggi dalam kehidupan ini, iaitu jangkauan spiritual atau kerohanian.

Dengan hal yang demikian, dimensi kerohanian adalah suatu kenyataan sama ada di luar teks mahupun di dalam teks. Sepanjang yang menyentuh kesusasteraan, wilayah sastera tamadun baru tetap akan terus menyaksikan dimensi kerohanian ini disaingi oleh dimensi sosial dan *belles-lettres*.

Sukar untuk menentukan pihak manakah yang akan menang dalam perang saudara yang senyap ini. Masing-masing mempunyai khalayak tertentu yang keyakinan mereka diperteguh oleh masa, pengaruh pendidikan, bacaan, pengalaman serta cita rasa. Kesusasteraan, seperti karya-karya seni yang lain memberikan semacam kertas *litmus* yang secocok (*correspond*), bukan membayangkan (*reflects*) perubahan-perubahan dalam masyarakat secara menyeluruh.

Kesusasteraan baru adalah seperti yang akan `diwarnakan' oleh kertas litmus tamadun zaman, iaitu tempo kehidupan yang lebih pantas, serta dengan gelombang maklumatnya.

Akan tetapi, keberadaan khlayak sastera dalam tempo, kepesatan maklumat, kemajuan teknologi dan segalanya itu bukanlah sesuatu yang sudah normatif atau mempunyai pola yang khusus. Kemajuan ICT yang hangat diperkatakan sekarang yang sedang membina tradisi sendiri, masih agak baru. Jadi, khlayak sastera khususnya, boleh dikatakan sedang mencari-cari korelasi yang bererti antara sastera dan kemajuan pesat prasarana kehidupan.

Sesuai dengan sifat pencarian di garis transisional itu; muncullah sejumlah pencari sama ada daripada kalangan penulis atau khlayak sastera itu sendiri. Proses ini mengapungkan beberapa perilaku atau usaha: *reconnoitre*, melakukan penelitian preliminari; *perusal*, suatu penelitian mendalam, winnow, yang berusaha mengenal serta memisahkan unsur-unsur baik dan buruk; atau *Cast About For*, sesuatu pencarian yang akhirnya berkesudahan agak sia-sia. Di Barat, tempat prasarana canggih kehidupan dikembangpesatkan, kita ditemukan dengan sejumlah karya eksperimental yang cuba menerapkan korelasi di antara kehidupan pascamoden dengan teknologi canggih yang kuasanya menembus 'tujuh petala bumi dan tujuh petala langit'. Di sana seakan tiada tempat untuk *luddite*, peribadi-peribadi yang menolak teknologi moden.

Namun, benarkah sastera kekinian, sastera tamadun baru, berbeza sama sekali dengan kakak atau abangnya yang dilahirkan sebelum tahun 2000, atau malah datuk serta moyang incunabulumnya?

Sastera sentiasa diremajakan dan disegarkan dengan improvisasi serta eksperimental yang merupakan bahagian integral daripada penciptaan karya kreatif. Perubahan yang wajar dilakukan kini sudah dicuba sepanjang zaman. Antinovel lahir sebagai perlawanan tekstual terhadap unsur-unsur konvensional genre ini. Karya-karya *belles-lettres* mempunyai 'musuh'nya di kalangan sosialis, visionary dan utopian. Ada pula istilah *bohemian* untuk mengenal sekelompok seniman. Falsafah *aestheticism* yang mempercayai bahawa keindahan adalah prinsip asas bagi kehidupan yang bagus serta moraliti, sering disanggah oleh isme-isme lain, termasuk *nihilism*, iaitu doktrin yang menafikan sebarang falsafah kewujudan.

Penciptaan karya sastra sering dimajukan, dan demikian jugalah untuk masa kini dan masa depan. Sesetengah orang melihat kemajuan hanya daripada aspek eksternal dan teknik sebagai cerminan cita rasa khalayak dan teknologi semasa. Sesetengah orang pula melihat kemajuan daripada aspek internal dan mikrokosmos sementara aspek eksternal dan teknik hanya dianggap sebagai wahana atau alat semata-mata. Golongan kedua itu berpendapat bahawa yang penting daripada karya sastra, termasuklah novel, adalah pemaparan alam internal serta mikrokosmos watak yang diharap boleh memperluas pengetahuan, pengalaman serta kebijaksanaan pembaca. Teknik penceritaan dan teknologi penerbitan tidaklah sepenting hati nurani watak yang harus difahami dan dihayati. Demikianlah kesimpulan pendukung novel golongan kedua itu. Golongan ini tentunya mempunyai alasan-alasan yang tertentu.

Novel tertua dunia seperti *Cerita-cerita Genji*, dan *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* atau novel-novel Leo Tolstoy seperti *Anna Karenina* dan "Haji Murat" (yang akan diterbitkan oleh DBP) telah dicipta lama sebelum terciptanya ICT yang memungkinkan kita, antara lain, menyerap dengan pantas pelbagai maklumat serta pengetahuan. Pada zaman itu, maklumat bergerak relatif seperti kura-kura. Dalam novel "Haji Murat", kiriman surat Chernishev kepada Vorontsov yang hanya beberapa batu jauhnya digambarkan seperti yang berikut: "Chernishev merakamkan perintah itu dalam suratnya kepada Vorontsov, dan seorang pesuruh cepat berangkat ke Tiflis dengan memacu kudanya ampai kuda itu tumbang tidak berdaya dan diganti dengan kuda yang lain".

Andainya Chernishev dan Vorontsov hidup masa kini, mereka dalam masa beberapa detik boleh saling berkomunikasi dengan faks atau e-mel. Tidak perlu seorang pesuruh cepat dan tidak perlu mendera seekor kuda. Akan tetapi, itu bukanlah persoalannya. Yang menjadi kekaguman kita ialah bagaimana novel yang ditulis dari tahun 1896 -1904 ini akan terus memikat minat serta hati nurani pembaca alaf baru.

Kehidupan kini ditandai oleh beberapa *signs* yang harus dilihat, dibaca dan ditafsirkan termasuklah oleh para sasterawan. Antaranya ialah tempo kehidupan yang lebih pantas, ilustrasi dan imejan yang secara agresif menyerang wilayah teks, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang antara lain merevolusikan pendokumentasian, penyebaran serta pengemaskinian maklumat dan ilmu pengetahuan. Kecanggihan prasarana turut dilandasi teori-teori terkini, hingga mengapungkan suatu *state-of-the-art* yang tersendiri dalam zamannya.

Pentafsiran terhadap tanda-tanda itu barangkali seterusnya akan mendorong para sasterawan untuk menjawab soalan-soalan berikut: Hidangan yang bagaimanakah yang sesuai untuk tatapan (bacaan bercetak atau bacaan dalam talian) khalayak yang sedang bergerak dalam tempo kehidupan pantas? Cara bagaimana novelis harus membayar 'ufti' kepada kekuasaan ilustrasi dan imejan yang terus menerus memerangi wilayah teks? Apakah ertinya prasarana canggih kepada alam mikrokosmos dan hati nurani watak-watak fiktifnya?

Jawapannya tidaklah mudah, lebih-lebih lagi jawapan yang cukup bijaksana. Sesetengah penulis yang berpegang kepada konsep *belles-lettres* tidak akan peduli kepada faktor-faktor luaran yang mungkin mempengaruhi cita rasa khalayaknya. Penulis semacam ini enggan 'melacurkan' idealismenya yang hanya akan menjerumuskannya menjadi seorang *regale* murahan. Akan tetapi, apakah ertinya seorang novelis tanpa khalayak, atau khalayaknya hanya terdiri daripada kelompok kecil *anachronism* dan tradisionalis?

Kompleksiti idea ini tidaklah sekompleks teknologi terkini dan jaringannya. Yang terakhir ini terus merobohkan 'tembok-tembok' desa, menggerakkan maklumat lebih pantas daripada gerakan mentari, mendekatkan timur-barat utara-selatan. Kekompleksan ini seharusnya turut memupuk penulis untuk menjadi lebih peka, lebih berpengetahuan, lebih berkemahiran dan lebih menguasai nuansa bahasa yang menjadi medium naratifnya. Segala-galanya ini akhirnya akan mengalir masuk bukan sahaja ke dalam jiwa penulis, malah ke dalam nurani watak-watak fiktifnya.

Dengan demikian, kehebatan teknologi maklumat alaf ini tidak dipisahkan daripada kehidupan, tetapi dalam kesusasteraan unsur ini hanyalah sekunder, sesuatu yang melengkap *states-of-the-art*. Sebab itu ada yang menyatakan bahawa watak novel tamadun baru harus watak yang celik IT dan ICT. Jika watak itu Melayu, dia ialah Melayu yang celik ICT dan mengetahui sejumlah epistemologi yang sedang menjadi wacana hangat di peringkat sejagat; Melayu baru yang terus mempertahankan nilai-nilai positif budayanya, bahasa Melayu dan agama Islam. Dia memasuki bidang-bidang yang lebih mencabar, dan berjaya. Dia merupakan seorang *pioneer*, seorang idealis, seorang wira epik moden dan seorang *global player*. Teknik penceritaan dan teknologi penerbitan adalah sesuatu yang sekunder. Peduli apa jika epistolary novel menjadi "e-epistolary novel", atau roman fleuve menjadi "e-roman fleuve". Akan tetapi, percayalah bahawa tidak semua orang akan menyetujui ciri-ciri yang sedemikian.

Yang primer adalah yang lebih utama; walau apa jua teknik yang diterapkan dan teknologi yang digunakan adalah juga bagaimana sesebuah karya kesusasteraan itu menyentuh hati aurani, meluaskan pengalaman intelektual dan pengalaman seni, serta membijaksakan khalayaknya.

Penyelaman psikologi manusia akari tetap merupakan unsur utama yang harus dimenangkan daripada persaingan antara :astera berdimensi sosial, kerohanian dan *belles-lettres*. Dalam bubungan ini, Imam Ghazali menegaskan bahawa manusia pada hakikatnya terbina daripada empat unsur psikologi penting, iaitu yang dinamakan sebagai sifat-sifat ketuhanan (dilambangkan oleh roh, akal, hati, *nafsu*), sifat marah atau bengis, sifat-sifat 'Lesyaitanan, dan sifat-sifat kebinatangan dan hawa nafsu. Dengan ayat yang ringkas, yang wajar dicipta adalah *serious literature*, sebuah *oeuvre*, *canon*, *magnum opus*, maha karya yang tahan diuji zaman kerana pada umumnya hati nurani universal itu tetaplah hati nurani yang manusiawi sifatnya serta perasaannya.

Rujukan

- A. Bakar Hamid, 1973. "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*, Ogos.
- Abdul Ghani Ismail, 1984. "Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu Daripada Tradisi Intelektualisme Islam" dlm. *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah, 2000. "Sastera Islam: Teori Sastera al Taabudiyah" (Kertas Kerja Seminar Teori Sastera Islam, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Ahyadi, H. Abdul Aziz, 1988. *Psikologi Agama*. Bandung: Penerbit Sinar Baru.
- Badri, Malik B., 1989. *Konflik Alili Psikologi Islam* (Terj.: Fadlullah Wilmot). Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Baharudin Ahmad (ed.), 1994. *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Budiman Radzi, 1963. *Falsafah Seni dalam Islam*. Kota Bharu: Penerbitan Aman Press.
- Encyclopedia Britannica*, 1978. Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evan, Ifor., 1966. *A Short History of English Literature*. London: English Language Society.
- Hashim Awang, 1986. "Novel Hikayat: Satu Penelitian Struktur Penceritaan Melayu" (Tesis untuk memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Hashimi Mohd. Ali, 1987. *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- ' Ibn Khaldun, 1993. *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jaafar Abdul Rahim, 2001. "Pemikiran Kreatif Dalam Sastera Global" dalam *Akar* (Bil. II).
- Md. Salleh Yaapar, 1989. "Minda Melayu dalam Naratif Melayu Tradisional." (Kertas kerja wacana Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Mohd. Affandi Hassan, 1992. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Anuar Hj. Rethwan, 1998. "Utusan untuk Kebaikan: Analisis Watak Pradata dalam Novel Melayu" (Tesis untuk memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Mohd. Taib Osman, 1964. "Kesusasteraan Melayu Moden" dalam *Penulis*, April.
- Muhammad Hj. Salleh, 1994. "Unsur-unsur Teori dalam Kesusasteraan Melayu dan Nusantara" dalam *Kesusasteraan Melayu: Metos dan Realiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosenthal, Franz, 1992. *Keagungan Ilmu*. (Terj.: Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russell, Bertrand, 1993. *Sejarah Falsafah Barat* (Terj.: Mohd. Safar Hasim dan Fatimah Yusoff). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saiyidain, K.G., 1981. *Percikan Filsafat Igbal Mengenai Pendidikan*. Bandung: CV Diponegoro.
- Shafie Abu Bakar, 2000. "Nilai dan Teknik dalam Teori Takmilah". (Kertas Kerja Seminar Teori Sastera Islam, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Siddiq Fadzi, 1992. "Pembaharuan Pemikiran Prasyarat Kebangkitan" dlm. *Berita Minggu*, 26 April.
- Syariati, Ali, 1979. *On The Sociology of Islam* (Terj.: Hamid Algar). Berkeley: Mizan Press.

Syariati, Ali, 1985. *Sains Kemasyarakatan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Qalam.

Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Sved
Muhammad Al-Naquib Al-Attas, 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

The Encyclopedia Americana, 1993. Connecticut: Grolier Incorporated.